

02/10/2000

Sekolah asrama penuh bentuk pelajar cemerlang

Nur Farhana Hamzah

DEMI mencapai matlamat falsafah Dasar Pendidikan Negara (DPN) seperti yang disarankan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pelbagai langkah diwujudkan dan satu daripadanya ialah penubuhan Sekolah Berasrama Penuh atau lebih sinonim dengan panggilan SBP. Sebagai langkah berkesan, Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) turut ditubuhkan.

SBP atau MRSM sememangnya menepati objektif kerajaan untuk melahirkan intelektual demi kemajuan negara pada masa depan. Pendek kata, SBP atau MRSM adalah pusat kecemerlangan bagi menghasilkan generasi kukuh yang mampu menunjangi institusi pentadbiran negara.

Dalam negara kita yang demokratik ini, tidak wujud perbezaan taraf antara penduduk. Pendapat yang menyatakan SBP atau MRSM tempat untuk mencapai kejayaan mutlak seharusnya disangkal. Pandangan ini hanyalah tanggapan sesetengah golongan masyarakat yang hanya cuma membuat kesimpulan mereka tanpa membuat penyelidikan yang lebih luas. Kejayaan sesebuah sekolah asrama tidak boleh dinilai dengan hanya mengambil contoh minoriti sebagai bandingan keadaan majoriti. Kita ambil satu analogi mudah. Wajarkah seorang yang melihat sebiji pisang yang busuk dalam setandan pisang, menyimpulkan keseluruhan pisang itu busuk?

Jadual waktu yang ketat di asrama dan kaedah belajar sendiri sememangnya melatih pelajar untuk berdikari. Mungkin cara ini membawa kemerosotan kepada pencapaian akademik pelajar pada awalnya, tetapi mahukah kita melihat generasi muda kita asyik bergantung harap kepada orang lain dalam menyelesaikan kerja mereka. Jika dari kecil lagi pelajar asyik disuruh dan dipimpin untuk melakukan sesuatu, tidak mustahil apabila dewasa, mereka akan teragak-agak untuk melakukan sesuatu kerana minda mereka kosong dan lompong. Dari sini, kita dapat melihat pelajar mesti diberi pendedahan awal agar berpeluang memajukan pemikiran mereka dengan usaha mereka sendiri. SBP dan MRSM boleh dijadikan batu loncatan untuk tujuan ini.

Jika kita membuat satu perbandingan relatif dua pelajar, seorang tinggal dengan ibu bapa dan pengasuh, dilimpahi kemudahan asas yang lengkap, manakala seorang lagi pelajar yang tahu menguruskan hal kehidupan dan tinggal di asrama. Kedua-duanya pelajar yang bijak. Manakah pelajar yang lebih berkualiti? Sudah tentu pelajar yang bijak dan tahu menguruskan kehidupannya sendiri.

Berkenaan tinjauan Berita Harian mengenai Klinik ICU pula, sebenarnya program ini satu langkah yang baik dan bernas. Perlu diketahui, pelajar yang menyertai Klinik ICU bukanlah pelajar yang terlalu lemah dalam pelajaran. Malah boleh dikatakan, Klinik ICU satu wadah untuk menjadikan pelajar lebih terbantu untuk meningkatkan prestasi mereka. Tambahan pula, sekolah yang dinyatakan (Sekolah Seri Puteri dan Sekolah Alam Shah) yang menjalankan Klinik ICU adalah antara sekolah terbaik di Malaysia dari segi akademik.

Sememangnya diakui, ibu bapa sekarang sudah mampu menyediakan banyak kemudahan untuk proses pembelajaran anak mereka. Namun begitu, sedarkah kita sampai bila anak ini perlu diberi kemewahan hidup. Sudah terbukti, dengan kesusahan hidup, kita akan mendapat kejayaan yang besar pada masa depan. Pelajar perlu diajar hidup susah. Bukan semua penghuni asrama daripada golongan yang berkemampuan. Hidup di asrama mengajar insan seperti kami untuk berdikari dan tidak hanya bergantung harap kepada orang lain.

Seperti yang dikatakan, objektif sekarang sudah berubah. Kalau dulu SBP

lebih mengutamakan pelajar miskin tetapi sekarang sebagai pusat kecemerlangan pelajar yang cemerlang diutamakan.

Dalam keadaan di luar, suasana pelajar banyak dipengaruhi faktor luaran. Di asrama, pelajar boleh memberi tumpuan yang lebih kepada pembelajaran. Salah satu senario yang amat sinonim di sekolah asrama adalah daya saing untuk belajar. Apabila seorang pelajar memegang buku, rakan pelajar yang lain akan terikut sama.

Tanyalah kepada warga asrama, siapa yang tidak berjerih-perih ketika mula menjejak kaki di asrama. Umumnya, cabaran untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran yang baru harus dirasakan oleh semua orang. Apabila seseorang itu berjaya mengatasi cabaran itu, dia pasti dapat membentuk satu jati diri yang kukuh untuk menghadapi cabaran yang lebih getir pada masa depan. Ciri ini biasanya dapat dilihat pada sebahagian besar pelajar yang tinggal di asrama.

Biar di manapun kita belajar, kejayaan ada di depan asalkan kita mahu berusaha. Asrama hanyalah satu wadah untuk membantu mencapai kejayaan bukannya tempat untuk mencapai kejayaan mutlak. Buktinya melalui keputusan SPM 1998 dan yang paling ketara pada 1999, pelajar yang tinggal di luar asrama mampu mencapai keputusan dan kejayaan yang setaraf dengan pelajar asrama, malah lebih baik lagi.

Namun begitu, kita sebagai rakyat dalam sebuah negara yang sudah membangun tidak patut mempersoalkan kebaikan mahupun keburukan antara dua golongan pelajar ini. Kedua-duanya mempunyai kelebihan yang tersendiri, kelebihan yang dirasakan pelajar bukan asrama mungkin tidak dapat dirasakan pelajar asrama dan sebaliknya.